

"Kemahiran belajar yang disertai dengan motivasi belajar yang tinggi telah terbukti boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan." - Gall & Rakan-Rakan

Motivasi, Teknik Belajar & Strategi

Cemerlang Menghadapi Peperiksaan

Ringkas, Padat & Praktikal

Oleh

TAIDIN SUHAIMIN



Edisi Pertama, 2006

Edisi Kelima, 2012

Edisi Keenam, 2013

Edisi Ketujuh, 2014

Edisi Kelapan, 2017

© Taidin Suhaimin

Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan Oleh

USAHAWAN GROUP Management Consultants

Lot 9, Grd. Flr., Taman Manggatal, Manggatal

Km 14.5, Jalan Tuaran

88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 016 831 4696, 6 088 497 141

Email: ugmctraining@gmail.com

Web: <http://www.ugmc.bizland.com>

PRA KATA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana buku ini dapat disiapkan.

Peperiksaan-peperiksaan penting seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM memerlukan persediaan rapi. Tanpa persediaan rapi, sukar untuk pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Persiapan bukan sekadar membaca tetapi menyusun strategi dengan sistematik.

Buku yang merangkumi 3 bab ini bertujuan utama untuk memandu dan memberi dorongan kepada pelajar-pelajar untuk berjaya dalam pembelajaran mereka. Ianya juga memuatkan teknik-teknik belajar yang terbukti berkesan serta strategi-strategi persiapan menghadapi peperiksaan.

Buku ini juga berguna sebagai panduan pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi.

Selamat Belajar & Mencapai Kejayaan.

Ikhlas dari,

PENGARANG

TENTANG PENGARANG

TAIDIN SUHAIMIN adalah seorang perunding dan penceramah motivasi terkemuka di Malaysia dalam bidang pembangunan diri.



Semenjak tahun 1993, ribuan peserta dari pelbagai lapisan dari ketua eksekutif kepada pelajar sekolah rendah di lebih 200 organisasi di Malaysia, Brunei dan Singapura serta Timur Tengah telah menyertai program-program beliau.

Jutaan pendengar radio dan penonton TV juga pernah mengikuti program-program motivasi, kepimpinan serta komunikasi beliau menerusi TV1, TVi. Beliau telah menyampaikan siri ceramah motivasi secara langsung menerusi Radio Malaysia Sabah dalam *Rancangan Motivasi Pagi* sejumlah 104 siaran dari tahun 2001-2003.

Ceramah motivasi beliau juga pernah beberapa kali disiarkan menerusi TVi serta TV1, RTM dalam *Rancangan Inspirasi Pagi*.

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1:

Motivasi & Jati Diri Pelajar Cemerlang

- Kepentingan Motivasi & Kemahiran Belajar 8
- Tujuan Belajar, Peranan & Tanggungjawab Anda Sebagai Pelajar 10
- Kualiti-Kualiti & Jati Diri Pelajar Cemerlang 15
- Matlamat Jitu Asas Kejayaan Cemerlang 20
- Ya! Anda Boleh Berjaya Dengan Cemerlang 23
- Menetap & Mencapai Matlamat 26

BAHAGIAN 2:

Strategi & Teknik Belajar Berkesan

- Rahsia Utama Kejayaan 34
- Pengurusan Masa & Jadual Waktu Berkesan 38
- Sudut Mentelaah Optimum 43
- Kemahiran Belajar Di Kelas 46
- Teknik-Teknik Membaca Berkesan 58
- Teknik Membaca PQRST 61
- Teknik Berkesan Membuat Nota 67
- Belajar Secara Berkumpulan 73

BAHAGIAN 3:

Strategi & Teknik Persiapan Akhir Menghadapi Peperiksaan

- STRATEGI UTAMA: Memfokuskan Tumpuan Mencapai Kelulusan Cemerlang Dalam Peperiksaan 80
- Teknik-Teknik Mengulang Kaji Pelajaran 87
- Teknik-Teknik Mengingat 97
- Teknik-Teknik Menjawab Soalan-Soalan Peperiksaan 102
- Kesilapan-Kesilapan Yang Kerap Dilakukan Oleh Calon Peperiksaan Dalam Menjawab Soalan 108
- Memastikan Anda Bersedia Sepenuhnya Menghadapi Peperiksaan 110
- Pada Hari Peperiksaan - Tindakan yang Wajib Anda lakukan: Sebelum, Semasa dan Sesudah Menjawab Soalan-Soalan Peperiksaan 113
- Akhir Kata 121
- Bibliografi 122

MOTIVASI, TEKNIK BELAJAR & STRATEGI CEMERLANG MENGHADAPI PEPERIKSAAN



“Pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran belajar yang disertai dengan motivasi yang tinggi serta sikap yang baik telah terbukti berjaya meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.”

*- Gall & Rakan-Rakan,
Tools for Learning, 1990.*

KEPENTINGAN MOTIVASI & KEMAHIRAN BELAJAR

Kajian-kajian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi menunjukkan bahawa cara belajar yang tidak berkesan sejak dari sekolah menengah serta sekolah rendah lagi adalah punca utama yang menyebabkan rendahnya tahap pencapaian kebanyakan pelajar di universiti dalam peperiksaan.

Akibatnya ialah ramai pelajar mengeluh kerana mereka merasakan terlalu banyak masa digunakan untuk mengulang kaji pelajaran, tetapi hasil yang mereka perolehi tidak seperti yang diharapkan.

Pada masa yang sama, terdapat pula segolongan pelajar yang prestasi akademik mereka lebih baik, namun, mereka ini dapat pula meluangkan masa beriadah serta melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di sekolah.

Persoalannya, mengapakah kedua-dua keadaan di atas boleh terjadi?

Jawapan yang biasa diberikan ialah pelajar-pelajar dalam kumpulan kedua dikatakan mempunyai

keupayaan mengingat yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar dalam kumpulan pertama.

Jawapan yang biasa tersebut kedengaran seperti betul, tetapi jawapan yang lebih tepat ialah ramai pelajar tidak mempunyai teknik belajar yang berkesan. Kebanyakan pelajar belajar hanya mengikut rasa dan resah sahaja. Akibatnya, banyak masa dan tenaga digunakan untuk belajar, tetapi hasilnya mengecewakan.

Oleh kerana itu, untuk berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan, pelajar-pelajar mestilah mempunyai suatu sistem pembelajaran yang berkesan serta cemerlang yang telah terbukti keberkesanannya, di samping mempunyai disiplin diri yang tinggi.

TUJUAN BELAJAR, PERANAN & TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI PELAJAR

KEPENTINGAN MEMAHAMI TUJUAN BELAJAR

Sebagai pelajar yang inginkan kejayaan cemerlang dalam pelajaran, anda mestilah tahu dan benar-benar jelas mengapa anda perlu belajar dan terus belajar.

Anda juga mesti tahu peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab serta tugas-tugas anda sebagai pelajar.

Jika anda belajar kerana hanya mengikut rakan-rakan sahaja atau kerana takutkan ibu bapa anda marah, maka itu adalah menunjukkan yang anda belum benar-benar faham tentang kepentingan ilmu, belajar, tujuan belajar serta tanggungjawab anda sebagai seorang pelajar.

Seorang pelajar adalah ibarat sebuah kapal yang belayar di tengah lautan. Agar kapal tersebut selamat sampai ke destinasiya pada masa yang telah ditetapkan, kapal tersebut mestilah mempunyai hala tuju yang jelas serta dilayarkan mengikut tatacara pelayaran yang betul.

Tanpa hala tuju serta ilmu pelayaran yang betul, bagaimanakah kapal itu boleh sampai ke destinasiya?

Jika ia dipukul gelombang dan bernasib baik, ia mungkin akan terdampar di tepian. Tetapi, jika nasibnya buruk, ia akan tenggelam ke dasar lautan.

Analogi di atas memberi mesej yang jelas dan kuat tentang betapa pentingnya anda mempunyai matlamat dan hala tuju belajar yang mantap serta strategi dan teknik belajar yang berkesan dan cemerlang untuk anda berjaya sebagai seorang pelajar.

KEPENTINGAN PELAJARAN & ILMU PENGETAHUAN

Anda hendaklah benar-benar memahami dan menjiwai bahawa hanya dengan mempunyai ilmu pengetahuan yang banyak dan tinggi serta mantap dan sentiasa dipertingkatkan maka barulah anda akan dapat menggunakan minda anda dengan sebaik-baiknya.

Dengan yang demikian maka Insya-Allah, anda akan:

- ☑ mempunyai panduan dan asas untuk mencapai kejayaan hidup untuk dunia dan akhirat.
- ☑ lebih mampu berdikari, bersaing dan mencapai impian atau matlamat anda.
- ☑ menjadi ahli masyarakat yang produktif, kontributif dan cemerlang.
- ☑ “Lebih ramai manusia gagal kerana ketidakmantapan arah tuju daripada kekurangan bakat.”

- *Billy Sunday, 1862 -1935*

TUGAS-TUGAS & TANGGUNGJAWAB- TANGGUNGJAWAB UTAMA ANDA SEBAGAI PELAJAR

*“Memulakan sesuatu itu adalah hebat, tetapi,
menyelesaikannya adalah lebih hebat.” - H. W.
Longfellow, 1807 - 1882*

Selaras dengan tujuan dan kepentingan belajar seperti yang dinyatakan di atas, antara tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama yang anda sebagai seorang pelajar perlu laksanakan ialah:

1. Mentaati Tuhan, ibu bapa, guru-guru, undang-undang sekolah dan negara.
2. Pergi ke sekolah untuk mendapat ilmu pengetahuan sebanyak dan sebaik mungkin.
3. Mengurus diri, masa & bahan-bahan pembelajaran anda.
4. Mentelaah buku teks, membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan subjek-subjek anda.

5. Mempersiapkan diri anda sejak dari awal persekolahan lagi malah semasa cuti-cuti penggal persekolahan agar anda akan dapat menjawab setiap soalan, ujian penilaian serta peperiksaan yang anda akan duduki atau hadapi.

Ingatlah bahawa anda adalah pewaris teraju kepimpinan keluarga, agama, bangsa dan negara.

Masa depan diri, agama, bangsa dan negara anda adalah juga tanggungjawab anda.

“Tidak ada yang lebih mencelakakan daripada bekerja tanpa menggunakan ilmu pengetahuan.” - Johann Wolfgang Von Goethe, 1749 - 1832

KUALITI-KUALITI & JATI DIRI PELAJAR CEMERLANG

(A. B. C. D. E. F. G. H. I.)

Pelajar Cemerlang Adalah Hebat Dalam Akademik & Akhlak

Pelajar yang cemerlang bukan sahaja handal dalam akademik tetapi juga hebat akhlak serta kelakuannya. Mencapai keputusan cemerlang dalam akademik tanpa jati diri atau keperibadian cemerlang, belum cukup untuk membolehkan seseorang pelajar itu dianggap sebagai cemerlang.

Kedua-dua kualiti utama tersebut mesti ada pada pelajar cemerlang.

Kualiti-kualiti pelajar cemerlang yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Amanah

Pelajar yang cemerlang boleh dipercayai, jujur dan ikhlas dalam segala tindakannya. Ia sentiasa bercakap benar, tidak bohong, tidak menipu, tidak mencuri atau tidak mengambil hak orang lain. Ia sedar bahawa segala perbuatannya adalah diperhatikan oleh Tuhan.

Thank you for your interest and taking the time downloading and reading the sample of this eBook.

To download this eBook in its entirety, please click the web link below and press its Buy Button accordingly.

<http://www.ugmc.bizland.com/ebook-mtbsmp.html>

If you're in Malaysia, you can make the payment via Bank Transfer in Malaysian Ringgits. If you're outside of Malaysia, you can buy this great eBook using Credit Card.

Please Click the Link below to proceed with your Purchase.

Thank you.

<http://www.ugmc.bizland.com/ebook-mtbsmp.html>